



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 820

AKTA THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE FRANCISCAN MISSIONARIES OF MARY (PEMERBADANAN) 1957

(Disemak—2019)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi The Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary (Incorporation) Act 1957 [Act 820]. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

**AKTA *THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE
FRANCISCAN MISSIONARIES
OF MARY* (PEMERBADANAN) 1957**

Disemak sehingga 1 Disember 2019

Tarikh penyiaran dalam
Warta bagi edisi semakan ini 27 Disember 2019

Tarikh yang ditetapkan untuk mula
berkuat kuasanya edisi semakan ini
menurut perenggan 6(1)(xxiii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968
[*Akta 1*] 27 Disember 2019

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1957 sebagai Ordinan
Persekutuan Tanah Melayu No. 39 tahun 1957

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 820****AKTA *THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE
FRANCISCAN MISSIONARIES OF MARY*
(PEMERBADANAN) 1957**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pemerbadanan *The Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary*
4. Meterai perbadanan
5. Pemberitahuan pelantikan *Superior of the Assunta Convent*
6. Peletakhakan harta

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 820****AKTA *THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE
FRANCISCAN MISSIONARIES OF MARY*
(PEMERBADANAN) 1957**

Suatu Akta untuk memperbadankan *The Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary*.

[15 Ogos 1957]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta *The Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary* (Pemerbadanan) 1957.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “Perbadanan” ertinya *The Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary* sebagaimana yang diperbadankan di bawah seksyen 3.

Pemerbadanan *The Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary*

3. (1) Marguerite Goudchaux yang secara amnya dikenali sebagai *Mother Miriam de l’Annonciation* yang dilantik untuk jawatan *Superior of the Assunta Convent* dan penggantinya dalam jawatan *Superior of the Assunta Convent* hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “*The Superior of the Institute of the*

Franciscan Missionaries of Mary” dan adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(2) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(3) Perbadanan boleh –

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap perihalan harta alih dan harta tak alih atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan; dan

(c) menjual, memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik dan memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

Meterai perbadanan

4. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, suatu cap yang mengandungi perkataan “*Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary*” boleh digunakan sebagai meterai perbadanan.

(3) Tiada surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang dimeteraikan dengan meterai Perbadanan boleh disifatkan dimeteraikan dengan sewajarnya melainkan jika –

- (a) meterai itu telah dicapkan di hadapan Marguerite Goudchaux atau wakilnya yang diberi kuasa dengan sewajarnya melalui suatu surat kuasa wakil yang didaftarkan di bawah Akta Surat Kuasa Wakil 1949 [Akta 424] atau di hadapan penggantinya dalam jawatan *Superior of the Assunta Convent*; dan
- (b) surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu ditandatangani oleh Marguerite Goudchaux atau wakilnya atau oleh penggantinya atau wakil penggantinya.

(4) Penandatanganan surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai pemeteraian yang sewajarnya surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu.

Pemberitahuan pelantikan *Superior of the Assunta Convent*

5. Suatu pemberitahuan dalam *Warta* mengenai pelantikan mana-mana orang untuk memegang atau bertindak dalam jawatan *Superior of the Assunta Convent* hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa orang itu telah dilantik sedemikian dengan sewajarnya.

Peletakhakan harta

6. Semua harta alih dan harta tak alih yang terletak di Semenanjung Malaysia yang dipegang, untuk dan oleh, dipindahhakkan, diserahkan, diberikan, dipajakkan, dipindahmilikkan, dipindahkan kepada atau selainnya terletak hak pada *Institute of the Franciscan Missionaries of Mary*, *Superior of the Convent of Our Lady of the Angels* atau *Superior of the Assunta Convent* terletak hak pada Perbadanan bagi harta dan kepentingan masing-masing yang baginya harta itu dipegang.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 820

**AKTA *THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE
FRANCISCAN MISSIONARIES OF MARY*
(PEMERBADANAN) 1957**

(Disemak — 2019)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii)
Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa dari

-TIADA-

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.

Tajuk

Ord. P.T.M No. 39 tahun 1957	Ordinan <i>The Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary</i> (Pemerbadanan), 1957
---------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 820

***AKTA THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE
FRANCISCAN MISSIONARIES OF MARY
(PEMERBADANAN) 1957***

(Disemak — 2019)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa dari

-TIADA-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 820

AKTA *THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE FRANCISCAN MISSIONARIES OF MARY* (PEMERBADANAN) 1957

(Disemak — 2019)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6 AKTA
PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
Susunan kandungan	Susunan kandungan di bawah tajuk “ARRANGEMENT OF SECTIONS” dimasukkan	perenggan 6(1)(vii)
Bentuk Perkenan DiRaja	Ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxiv)
Keseluruhan Akta	1. Perkataan “Act” menggantikan “Ordinance”	perenggan 6(1)(v)
	2. Nota bahu menggantikan nota birai	perenggan 6(1)(xxiv)
	3. Noktah pada akhir nota bahu ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	4. Perkataan “Corporation” menggantikan “corporation”	perenggan 6(1)(xv)
Tajuk panjang	Perkataan “The” menggantikan “the”	perenggan 6(1)(xv)
Tarikh kuat kuasa	Perkataan “15 August 1957” menggantikan “15th August, 1957.”	perenggan 6(1)(iii)
Mukadimah	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(b)
Ayat mengundang-undangkan	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)

*The Superior of The Institute of The Franciscan
Missionaries of Mary (Pemerbadanan)*

11

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
seksyen 1	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkataan “The” menggantikan “the” 2. Koma sebelum perkataan “1957” ditinggalkan 	<p>perenggan 6(1)(xvii)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p>
Seksyen tafsiran	Seksyen tafsiran dimasukkan sebagai seksyen 2 baharu	subperenggan 6(1)(iv)(a)
Tafsiran “Corporation”	Disusun semula dan ditukar tempat sebagai tafsiran baharu “Corporation” daripada subseksyen 2(1) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
seksyen 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 3 2. Dalam nota bahu, perkataan “Incorporation of The Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary” menggantikan perkataan “Incorporation and powers of the Superior” 	<p>perenggan 6(1)(xii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxiv)</p>
subseksyen 2(1)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 3(1) dengan perubahan berbangkit dibuat 2. Perkataan “The said” ditinggalkan 3. Perkataan “generally known as Mother Miriam de I’Annonciation who was appointed to the office of the Superior of the Assunta Convent and her successors in the office of the Superior of the Assunta Convent” menggantikan “and her successors for the time being in the office of Superior of the Assunta Convent” 4. Perkataan “and shall have perpetual succession and a corporate seal” ditukar tempat daripada subseksyen 2(2) 	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xiii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p> <p>perenggan 6(1)(xxiv)</p> <p>perenggan 6(1)(xiii) dan (xxiv)</p>
subseksyen 2(2)	Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada subseksyen 3(2), perenggan 3(3)(a) dan subseksyen 4(1) dan (2) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 2(3)	Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada perenggan 3(3)(b) dan perenggan (c) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
seksyen 3	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 4 dengan perubahan berbangkit dibuat 2. Dalam nota bahu, perkataan “Common seal” menggantikan “Use of corporate seal” 	<p>perenggan 6(1)(xii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxiv)</p>
subseksyen 3(1)	Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada perenggan 4(3)(a) dan (b) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
subseksyen 3(2)	Dinomborkan semula sebagai subseksyen 4(4) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii)
seksyen 4	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 5 2. Dalam nota bahu, perkataan “Notification of appointment of Superior of the Assunta Convent” menggantikan perkataan “Appointment” 3. Koma selepas perkataan “hold” dan “in” ditinggalkan 	<p>perenggan 6(1)(xii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxiv)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p>
seksyen 5	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 6 2. Perkataan “Peninsular Malaysia” menggantikan “the Federation” 3. Perkataan “heretofore” ditinggalkan 4. Perkataan “of the Franciscan Missionaries of Mary,” dimasukkan selepas perkataan “the Institute” 5. Perkataan “or in” sebelum perkataan “the Superior of the Convent” ditinggalkan 6. Perkataan “in” sebelum perkataan “the Superior of the Assunta Convent” ditinggalkan 	<p>perenggan 6(1)(xii)</p> <p>perenggan 6(1)(xvii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p> <p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p>

*The Superior of The Institute of The Franciscan
Missionaries of Mary (Pemerbadanan)*

13

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	7. Perkataan “hereby” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	8. Perkataan “property” menggantikan “same”	perenggan 6(1)(xv)
	9. Perkataan “held” menggantikan “holden”	perenggan 6(1)(xv)
seksyen 6	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
